

**ASNB**

# Laporan Tahunan



## **ASB 3 Didik**

(Dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Didik, "ASD")

**Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2019**





## NOTIS PENTING

Mulai April 2018, penghantaran penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim bagi kesemua tabung unit amanah ASNB adalah secara elektronik kepada semua pemegang unit. Penyata pengagihan pendapatan akan dihantar ke alamat e-mel yang berdaftar dengan ASNB, manakala laporan tahunan dan/atau laporan interim boleh diakses melalui laman web ASNB [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

Pemegang unit/penjaga berdaftar boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Penyata Pengagihan Pendapatan secara fizikal dengan menghadirkan diri ke cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara atau dengan melaksanakan cetakan layan diri melalui ASNB Portal.

Bagi pemegang unit yang telah memaklumkan kepada pihak ASNB secara bertulis untuk menerima penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim secara fizikal, penghantaran penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim akan dihantar melalui pos ke alamat pemegang unit yang berdaftar dengan ASNB dalam tempoh dua bulan selepas tahun kewangan berakhir atau tempoh interim.

Pemegang unit/penjaga berdaftar juga boleh membatalkan persetujuan yang telah dibuat bagi penerimaan penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim secara elektronik pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada ASNB secara bertulis dengan menyatakan maklumat pemegang unit iaitu nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat surat menyurat, alamat emel dan nombor ahli bagi mana-mana produk ASNB ke cawangan ASNB yang berhampiran atau, e-mel ke [asnbcare@pnb.com.my](mailto:asnbcare@pnb.com.my).

Terima Kasih.

*Untuk keterangan lanjut sila hubungi*

*Pusat Khidmat Pelanggan ASNB*

*Di talian 03-7730 8899 atau emel ke [asnbcare@pnb.com.my](mailto:asnbcare@pnb.com.my)*

## ISI KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka surat
I.	Maklumat Tabung	3
II.	Prestasi Tabung	4
III.	Laporan Pengurus	8
IV.	Penyata Pengurus	13
V.	Penyataan Pemegang Amanah	14
VI.	Laporan Juruaudit Bebas Kepada Pemegang-Pemegang Unit	15
VII.	Penyata Kewangan	
	A. Penyata Untung atau Rugi	18
	B. Penyata Pendapatan Komprehensif	19
	C. Penyata Aliran Tunai	20
	D. Nota-nota Berkaitan Penyata Kewangan	21
VIII.	Alamat Cawangan ASNB	31
IX.	Maklumat Korporat	34

**LAPORAN PENGURUS**  
**AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 – DIDIK, “ASB 3 DIDIK”**  
[dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Didik, “ASD”]



**ASB 3 Didik**

Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Bumiputera 3 – Didik, “ASB 3 Didik”, yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB 3 Didik dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB 3 Didik bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019.

## I. MAKLUMAT TABUNG

### A. KATEGORI/ JENIS TABUNG

Nama Tabung <sup>1</sup>	Kategori	Jenis Tabung
<b>Amanah Saham Bumiputera 3 – Didik, “ASB 3 Didik”</b> [dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Didik, “ASD”]	Aset Campuran	Pertumbuhan

**Nota:** Pindaan berkenaan logo dan nama ASB 3 Didik berkuatkuasa 15 Oktober 2018.

### B. OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASB 3 Didik adalah untuk memberi peluang pelaburan yang dapat menjana pulangan dan pertumbuhan pelaburan jangka panjang yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit ASB 3 Didik.

**Nota:** ASB 3 Didik bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garispanduan Unit Amanah.

### C. PENANDA ARAS TABUNG

ASB 3 Didik menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (“Maybank 12 bulan”) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

(Sumber : [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my))

### D. POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASB 3 Didik akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

### E. PEGANGAN UNIT

Pada 30 Jun 2019, seramai 292,541 individu telah menyertai ASB 3 Didik. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	247,708	84.67	220,820,436.86	3.58
5,001 hingga 10,000	16,074	5.49	112,034,137.47	1.82
10,001 hingga 50,000	16,812	5.75	358,476,437.03	5.81
50,001 hingga 500,000	9,675	3.31	1,580,584,660.03	25.62
500,001 dan ke atas	2,272	0.78	3,897,271,778.63	63.17
<b>JUMLAH</b>	<b>292,541</b>	<b>100.00</b>	<b>6,169,187,450.02</b>	<b>100.00</b>

## II. PRESTASI TABUNG

### A. PERUMPUPAN ASET

- i. Perumpukan Aset Bagi ASB 3 Didik Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun (%)		
	2019	2018	2017
<b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>			
Perkhidmatan komunikasi	13.11	11.91	12.83
Barangan Bukan Asasi Pengguna	2.55	1.51	1.45
Barangan Asasi Pengguna	11.59	13.82	8.38
Tenaga	6.51	3.81	3.09
Kewangan	0.42	1.27	3.23
Penjagaan Kesihatan	3.82	4.79	-
Perindustrian	11.94	10.41	11.09
Teknologi maklumat	8.56	6.90	-
Bahan asas	5.55	3.56	1.42
Hartanah	5.54	8.27	5.93
Utiliti	11.61	11.32	7.86
<b>Jumlah</b>	<b>81.20</b>	<b>77.57</b>	<b>55.28</b>
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah	-	0.25	0.22
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	11.85	12.64	7.72
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	6.95 <sup>1</sup>	9.54	36.78
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

**Nota:** 1. Termasuk deposit dan tunai dengan institusi kewangan (9.81%) dan akaun belum terima (2.83%), selepas ditolak peruntukan pengagihan (-5.50%) dan akaun belum bayar (-0.19%).

- ii. Senarai 20 Pelaburan Terbesar yang Disebutharga Dari Segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding Dengan NAB Tabung:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1.	Tenaga Nasional Berhad	8.83
2.	Sime Plantation Berhad	5.12
3.	Axiata Group Berhad	4.40
4.	Carsen (M) Sdn Bhd	4.29
5.	Petronas Chemicals Group Berhad	4.24
6.	Gamuda Berhad	3.43
7.	Telekom Malaysia Berhad	3.41
8.	IHH Healthcare Berhad	2.73
9.	Maxis Berhad	2.47
10.	MISC Berhad	2.29
11.	Digi.Com Berhad	2.20
12.	IOI Corporation Berhad	2.11
13.	United Plantations Berhad	1.99
14.	Carsen (M) Sdn Bhd (Preference)	1.78
15.	Petronas Gas Berhad	1.68
16.	SP Setia Berhad	1.66
17.	Sime Darby Berhad	1.40
18.	IJM Corporation Berhad	1.31
19.	UMW Holdings Berhad	1.28
20.	Petronas Dagangan Berhad	1.24

**Nota:** Bagi perkara (ii) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.

## B. MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun		
	2019	2018	2017
Unit Dalam Edaran (Juta)	6,187.5	5,845.5	5,544.5
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.85 sen	6.25 sen	6.00 sen
Bonus (sen) <sup>1</sup>	0.40 sen	-	-
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	296.57	357.87	329.53
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Julai 2019	1 Julai 2018	1 Julai 2017
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <sup>2</sup>	0.97	1.25	1.24
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) <sup>3</sup>	0.56	0.77	0.63

**Nota:**

1. Bonus dibayar oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah berdasarkan purata Baki Minima Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB 3 Didik. Pemberian bonus tahunan (jika ada) adalah tertakluk kepada budi bicara pihak PNB.
2. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB 3 Didik yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASB 3 Didik untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP dari 30 Jun 2018 ke 30 Jun 2019 adalah ketara kerana mendapat pengecualian yuran pengurusan tahunan bagi tahun kewangan 2019.
3. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB 3 Didik untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP dari 30 Jun 2018 ke 30 Jun 2019 adalah ketara disebabkan oleh aktiviti pembelian dan penjualan saham yang lebih rendah pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019.

**C. PENGAGIHAN PENDAPATAN**

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019, ASB 3 Didik telah memperuntukkan sejumlah RM 296,575,370 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 4.85 sen seunit. Pada masa yang sama, PNB telah mengagihkan bonus sebanyak 0.40 sen seunit bersamaan RM 24,203,436 kepada para pelabur bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019. Pembayaran bonus, sekiranya ada, adalah tertakluk kepada budi bicara PNB.

**D. PURATA PULANGAN TAHUNAN**

Purata pulangan tahunan bagi ASB 3 Didik adalah seperti berikut:

	Pada 30 Jun 2019		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) <sup>1</sup>	4.85	5.70	6.00
Bonus (Sen seunit) <sup>2</sup>	0.40	0.13	0.08
Penanda Aras (%) <sup>3</sup>	3.10	3.29	3.44

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

**Nota:**

1. Pengiraan Jumlah Purata Pulangan adalah seperti berikut-
  - (a) Pulangan 1 tahun =  $i_t$   
Di mana,  $i_t$  = pengagihan pendapatan  $t$  = tahun semasa
  - (b) Pulangan 3 tahun =  $\left[ \frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2}}{3} \right]$
  - (c) Pulangan 5 tahun =  $\left[ \frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}}{5} \right]$
2. Bonus dibayar oleh PNB adalah berdasarkan purata Baki Minima Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB 3 Didik. Pemberian bonus tahunan (jika ada) adalah tertakluk kepada budi bicara pihak PNB.
3. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras yang terbaru.

## E. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASB 3 Didik berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun				
	2019	2018	2017	2016	2015
Jumlah Pulangan Tahunan (%) <sup>1</sup>	4.85	6.25	6.00	6.30	6.60
Bonus (Sen seunit) <sup>2</sup>	0.40	-	-	-	-
Penanda Aras (%) <sup>3</sup>	3.10	3.35	3.43	3.65	3.69

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

**Nota:**

1. Merupakan pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
2. Bonus dibayar oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah berdasarkan purata Baki Minima Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB 3 Didik. Pemberian bonus tahunan (jika ada) adalah tertakluk kepada budi bicara pihak PNB.
3. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras yang terbaru.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

## F. PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Sebagai inisiatif untuk mengukuhkan portfolio pelaburan tabung-tabung unit amanah ASNB, PNB telah merangka Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (Strategic Asset Allocation Framework, "SAA"). Mulai 1 Mei 2018, strategi perumpukan aset dan penanda aras Tabung telah diselaraskan sejajar dengan kategori Tabung dan strategi pelaburan yang baharu. Walaubagaimanapun, objektif pelaburan dan profil risiko Tabung tidak akan terjejas dengan perubahan ini. Dengan ini, para pelabur juga tidak akan terjejas dengan inisiatif yang dilaksanakan. Sila rujuk Prospektus Induk Tambahan Kedua yang telah didaftarkan ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 1 April 2018.

## G. SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

Pada 22 Februari 2019, saiz tabung ASB 3 Didik yang dibenarkan telah ditingkatkan dari 6.575 bilion unit kepada 7.50 bilion unit.

## H. DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASB 3 Didik. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garispanduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan disemak semula serta diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Pelaburan.

## I. KOMISYEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

### **III. LAPORAN PENGURUS**

#### **A. PENCAPAIAN OBJEKTIF TABUNG**

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019, prestasi ASB 3 Didik adalah selaras dengan objektif pelaburannya dimana ASB 3 Didik telah berupaya menjana pulangan dan pertumbuhan pelaburan jangka panjang yang berpatutan kepada pemegang unit.

#### **B. POLISI PELABURAN**

Polisi pelaburan ASB 3 Didik adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang, pelaburan kolektif dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Suratikatan ASB 3 Didik. ASB 3 Didik boleh melaburkan sehingga 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) pada kos dalam ekuiti dan selebihnya di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran modal termasuk aset mudah cair. Walau bagaimanapun, ASB 3 Didik boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

#### **C. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN**

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019, strategi pelaburan ASB 3 Didik telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti domestik dan antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap serta pasaran wang. Pelaburan di dalam aset-aset ini difikirkan wajar dan mampu memberi pulangan yang kompetitif dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif tabung tercapai. Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding dengan aset sekuriti berpendapatan tetap untuk menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

##### **i. Ekuiti**

Pelaburan tabung ASB 3 Didik dalam ekuiti telah ditumpukan kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kekuatan fundamental dan asas yang kukuh serta prospek perniagaan yang cerah dalam usaha memastikan prestasi ASB 3 Didik kekal kompetitif. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten. Bagi mempelbagaikan aset di dalam portfolio, tabung ASB 3 Didik turut melabur di dalam ekuiti antarabangsa. Di samping berpotensi memberikan pulangan dalam portfolio, pelaburan ekuiti antarabangsa juga berpotensi untuk mengimbangi risiko dana.

##### **a) Domestik**

Bagi ekuiti domestik, antara sektor yang menjadi tumpuan ialah sektor perladangan dan utiliti. Pada masa yang sama, pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham domestik yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif seperti sektor kepenggunaan dan Dana Pelaburan Hartanah (REIT) turut diberi penekanan. Pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut membolehkan ASB 3 Didik mencapai pulangan yang memuaskan.

**b) Antarabangsa**

Pelaburan antarabangsa tertumpu kepada sektor-sektor seperti teknologi maklumat, kepenggunaan dan kesihatan yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik. Selain itu, pelaburan di pasaran antarabangsa juga melibatkan beberapa pasaran utama dunia seperti di pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan juga Asia demi mempelbagaikan pelaburan antarabangsa.

**ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019, ASB 3 Didik telah berusaha meningkatkan pulangan tabung melalui pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap yang mempunyai perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan. Peruntukan sekuriti pendapatan tetap ASB 3 Didik berkurangan kepada 9.54% pada 30 Jun 2019 daripada 10.58% yang dicatatkan pada awal tahun kewangan yang ditinjau. Ini disebabkan beberapa sekuriti telah mencapai tempoh matang di dalam tempoh kewangan tersebut. Disamping itu juga, tabung ASB 3 Didik telah menjana keuntungan modal melalui hasil penjualan sekuriti berpendapatan tetap terbitan kerajaan (GII) pada tahap pasaran yang menguntungkan.

Antara pembelian sekuriti berpendapatan tetap yang dilakukan adalah daripada terbitan korporat dengan purata kadar hasil sebanyak 5.43%. Selain bon korporat, ASB 3 Didik juga turut melabur di dalam Sekuriti Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, (MGII)) di mana pulangannya terdiri daripada kupon dan juga keuntungan modal disamping mempunyai kecairan yang tinggi berbanding bon korporat. Pada purata kadar hasil 4.28%, ia juga adalah lebih tinggi berbanding pasaran wang. Bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2019, Kadar purata hasil bagi portfolio sekuriti berpendapatan adalah 4.86% dengan purata penarafan kredit “AA2”.

Walaubagaimanapun, tabung ASB 3 Didik masih mengekalkan pelaburan dalam pasaran wang. Ini bagi membolehkan tabung ASB 3 Didik memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

**D. ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM**

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019, pasaran saham global telah mencatatkan prestasi bercampur dengan ketidaktentuan pasaran yang lebih tinggi, dipengaruhi oleh kenaikan Kadar Dana Persekutuan oleh Amerika Syarikat, pergolakan situasi politik terutama di Eropah seperti di Britain dan di Itali, serta ketegangan hubungan perdagangan antara dua kuasa besar dunia, Amerika Syarikat dan China. Sepanjang tempoh tinjauan, indeks komposit utama dunia seperti Morgan Stanley All Country World Index telah mencatatkan kenaikan sebanyak (+3.61%) dan Euro Stoxx 50 sebanyak (+2.30%). Pasaran saham utama yang mencatatkan kenaikan adalah Jakarta (JKSE) dan US (S&P500), masing-masing dengan kenaikan sebanyak (+9.65%) dan (+8.22%). Manakala pasaran saham utama lain yang mencatatkan penurunan termasuklah Korea (KOSPI) yang mencatatkan penurunan sebanyak (-8.40%), Jepun (NIKKEI) sebanyak (-4.61%) dan England (FTSE100) sebanyak (-2.77%).

Bagi tempoh tahun kewangan tersebut, penanda aras utama pasaran tempatan iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak 19.37 mata atau 1.1% untuk ditutup pada paras 1,672.13 mata pada 30 Jun 2019, berbanding 1,691.50 mata yang dicatatkan pada 30 Jun 2018. Paras tertinggi indeks iaitu 1,826.90 mata telah dicatatkan pada 28 Ogos 2018, manakala paras terendah indeks iaitu 1,598.32 mata telah dicatatkan pada 24 Mei 2019.

Sektor yang mencatatkan kenaikan tertinggi dalam tempoh tinjauan adalah sektor pembinaan sebanyak (+8.05%) diikuti dengan sektor dana pelaburan harta tanah, sebanyak (+3.15%) dan sektor perdagangan, sebanyak (+3.01%). Sektor harta tanah mencatatkan penurunan tertinggi sebanyak (-11.67%), diikuti dengan sektor teknologi sebanyak (-9.48%), dan sektor perladangan sebanyak (-7.50%). Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan ketara dalam tempoh tinjauan adalah Genting Malaysia Berhad (-30.11%), Genting Berhad (-17.08%) dan Telekom Malaysia Berhad (-13.83%). Sementara itu, saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan positif adalah Axiata Group Berhad (+34.02%), DiGi.COM Berhad (+26.79%) dan MISC Berhad (+26.47%).

Nilai mata wang Ringgit Malaysia juga telah menyusut nilai sebanyak 2.3% untuk ditutup pada paras RM4.1320/USD pada 30 Jun 2019 berbanding RM4.0385/USD pada 30 Jun 2018. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit telah didagangkan pada paras terendah RM4.201/USD pada 28 November 2018, manakala paras tertinggi adalah RM4.022/USD pada 10 Julai 2018.

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5% pada suku pertama 2019 berbanding 4.7% pada suku keempat 2018. Namun demikian, ekonomi Malaysia turut terkesan secara tidak langsung pada suku kedua 2019 berikutan faktor luaran yang mencabar.

## **E. ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN**

Pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan meskipun berlaku volatiliti untuk tempoh tertentu yang disebabkan terutamanya oleh perkembangan global. Walaupun keadaan monetari dan kewangan domestik terus menyokong pertumbuhan ekonomi, terdapat tanda-tanda keadaan kewangan menjadi semakin mencabar.

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019, Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate, OPR) telah dikurangkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% daripada kadar 3.25% pada bulan Mei 2019 oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia, (BNM). Di mana, kadar koridor tertinggi dan terendah bagi OPR masing-masing diturunkan kepada 3.25 peratus dan 2.75 peratus. Dengan pengurangan OPR ini, kadar antara bank menjadi lebih rendah dan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3-bulan menurun daripada 3.69% kepada 3.46% pada Mei 2019 dan kekal sehingga berakhir enam bulan pertama 30 Jun 2019.

Pelarasan terhadap OPR ini bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari sejajar dengan pendirian dasar monetari untuk menyokong pertumbuhan yang kukuh,

inflasi yang stabil serta disokong oleh pengantaraan kewangan yang mantap dalam ekonomi. Berikutnya penurunan kadar dasar semalam sebanyak 25 mata asas pada 7 Mei 2019, ASB 3 Didik mendapat manfaat daripada kenaikan nilai pasaran bon.

Malaysia antara ekonomi Asia Timur sedang pesat membangun yang menyaksikan pasaran bon mata wang tempatan terus berkembang walaupun terdapat konflik perdagangan dan pertumbuhan global yang sederhana. Pertumbuhan sebahagian besarnya daripada bon kerajaan, terutama bon kerajaan pusat berikutan peningkatan dalam terbitannya, manakala bon korporat turut menyumbang kepada pertumbuhan positif, tetapi dalam skala yang lebih kecil.

Sokongan terhadap pasaran bon tempatan dijangka kekal berterusan memandangkan ekonomi berada di landasan yang stabil. Dalam jangka masa sederhana, kami yakin penyusunan dan perlaksanaan polisi kerajaan akan menjadi lebih nyata dan telus, keadaan pasaran akan menjadi lebih mantap. Ia akan turut memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk kembali membuat penambahan pelaburan berikutan prospek hadapan yang positif kepada Malaysia.

Trend kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) turut menurun pada tahun kewangan berakhir Jun 2019, atas jangkaan OPR diselaraskan kepada 3.00% disebabkan oleh prospek ekonomi global yang lemah, ketegangan perdagangan dan Brexit. Kesannya, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing telah menurun sebanyak 33, 43 dan 57 mata asas sepanjang tahun kewangan 2019.

Pasaran sekuriti bon korporat bertaraf AAA dan AA berjangka sederhana dan panjang antara 3 dan 10 tahun turut mencatatkan penurunan kadar hasil antara 45 hingga 60 mata asas berikutan permintaan yang kukuh dalam pasaran sekuriti bon korporat tempatan.

## **F. STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN**

Pengurusan pelaburan ASB 3 Didik menjangkakan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan bagi tempoh tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020. Faktor ini, serta faktor luaran lain seperti ketidaktentuan polisi ekonomi dan perdagangan terutamanya antara Amerika Syarikat dan China serta situasi "Brexit" di Kesatuan Eropah, dijangka akan mempengaruhi pasaran saham global. Oleh itu, walaupun strategi pelaburan ASB 3 Didik masih memberikan fokus yang lebih kepada ekuiti, perumpukan aset ekuiti akan dilakukan secara aktif dan selektif bagi memastikan pulangan tabung kekal kompetitif berbanding penanda aras.

### **i. Ekuiti**

Pelaburan di dalam ekuiti akan dilakukan secara selektif, berdasarkan analisa yang telah dibuat ke atas syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi mengenal pasti saham syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh dan diniagakan di bawah harga wajar. Pelaburan juga ditumpukan kepada sektor-sektor yang mampu memberikan pulangan yang lebih baik daripada penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil. Antara sektor yang akan diberikan tumpuan adalah sektor telekomunikasi yang mempunyai prospek penggabungan dan pengambilalihan serta

penstruktur semula kos serta sektor kepenggunaan yang dijangka kekal utuh disokong oleh perbelanjaan domestik yang kekal mampan.

Tabung ASB 3 Didik juga akan terus melabur di dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang akan dilaksanakan secara berhemah dan berperingkat mengikut kesesuaian keadaan ekonomi global dan matawang asing. Perumpukan aset pelaburan ASB 3 Didik secara geografi, akan ditentukan setelah membuat pertimbangan mengenai aliran geopolitik, dan dagangan sedunia. Pelaburan antarabangsa akan tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik.

Bagi mengekalkan modal jangka panjang serta pulangan yang kompetitif, pengurus pelaburan ASB 3 Didik akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah-ubah. Di samping itu, Pengurus Tabung akan sentiasa mengambil peluang untuk menjual saham-saham yang sudah mencapai nilai penuh pada tahap pasaran yang menguntungkan.

## **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Untuk mempelbagaikan aset dalam portfolio, Pengurus tabung ASB 3 Didik akan terus melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Bagi tempoh 12 bulan akan datang, Pengurus tabung ASB 3 Didik akan menumpukan pelaburan dalam bon Kerajaan Malaysia dan bon korporat bagi meningkatkan pulangan dana di samping membangunkan strategi perumpukan aset yang menumpu kepada prestasi yang ditetapkan dan sejajar dengan penanda aras. Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia di buat untuk menjana keuntungan modal serta memberi peluang kepada tabung untuk membeli sekuriti pada tahap yang lebih menarik berbanding dengan kadar deposit.

Pelaburan dalam sekuriti hutang swasta dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen jangka masa panjang dan sederhana yang bermutu dalam berbagai sektor pilihan, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatut dengan risiko yang ditanggung oleh tabung ASB 3 Didik. Pelaburan dalam pasaran wang dan sekuriti berpendapatan tetap dapat mengimbangi secara efektif keseluruhan risiko dan pulangan dalam portfolio.

Pengurus tabung ASB 3 Didik akan sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan tabung untuk memberikan pulangan yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang.

#### **IV. PENYATA PENGURUS**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit

**AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 – DIDIK, “ASB 3 Didik”**

(Dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Didik, “ASD”)

Kami, sebagai pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK (“Unit Amanah”), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019, berserta dengan nota-nota yang dikepilkhan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, yang telah diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2019, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 31 Julai 2019.

**TAN SRI DR.ZETI AKHTAR AZIZ**

Pengerusi

**DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD**

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

31 Julai 2019

## **V. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit

**AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 – DIDIK, “ASB 3 Didik”**

(dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Didik, “ASD”)

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 – DIDIK selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) penilaian dan penentuan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) penjadian unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK seperti mana yang diisyiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK

Yang benar,

**AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**HABSAH BINTI BAKAR**

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

22 Ogos 2019

## **VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 – DIDIK (“Unit Amanah”)**

### **Laporan penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK (Dahulu dikenali sebagai AMANAH SAHAM DIDIK) ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 30 Jun 2019, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 18 hingga 30.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (***Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs***) disesuaikan mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2019 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

### **Pendapat**

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

### **Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika**

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

### **Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya**

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya. Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

### **Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan**

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs*) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards - IFRSs*). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami.

Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dilanjutkan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

#### **Lain-lain perkara**

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

**Hanafiah Raslan & Mohamad**

AF: 0002

Akauntan Bertauliah

**Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim**

No. 03157/01/2021 J

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

31 Julai 2019

## VII. PENYATA KEWANGAN

### A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019

Nota	2019 RM	2018 RM
<b>PENDAPATAN</b>		
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	47,897,939	75,748,344
Pendapatan dividen	147,809,600	139,710,498
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	102,138,230	224,325,766
Kerugian bersih kadar tukaran asing	<u>(1,390,309)</u>	-
	<u>296,455,460</u>	<u>439,784,608</u>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurus	5	22,613,519
Yuran pemegang amanah	6	600,000
Ganjaran juruaudit		24,000
Yuran ejen cukai		3,500
Perbelanjaan pentadbiran		10,859,619
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga		28,596,651
	<u>62,697,289</u>	<u>126,193,019</u>
<b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>		
<b>CUKAI</b>	7	-
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>		
	<u>233,758,171</u>	<u>313,591,589</u>
<b>Pengagihan pelaburan</b>	8	<u>296,575,370</u>
<b>Pengagihan kasar dan bersih seunit</b>		<u>4.85 sen</u>
<b>Tarikh pengagihan</b>		<u>1 Julai 2019</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:		
Ternyata	232,896,726	313,591,589
Tidak Ternyata	861,445	-
	<u>233,758,171</u>	<u>313,591,589</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>		233,758,171	313,591,589
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN</b>		<u>233,758,171</u>	<u>313,591,589</u>
<b>Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:</b>			
Ternyata		232,896,726	313,591,589
Tidak ternyata		<u>861,445</u>	-
		<u>233,758,171</u>	<u>313,591,589</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**C. PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019**

	2019 RM	2018 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN</b>		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	2,320,446,936	4,050,059,694
Pembelian pelaburan	(2,713,505,871)	(5,624,400,091)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(5,000,000)	(345,000,000)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	345,000,000	1,334,932,891
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	51,601,437	82,216,752
Pendapatan dividen diterima	152,250,405	142,545,215
Pembayaran yuran pengurusan	(64,283,702)	(64,641,675)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(600,000)	(623,633)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(12,996,088)	(11,404,439)
Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>72,913,117</u>	<u>(436,315,286)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Tunai diterima daripada penjadian unit	342,000,000	401,000,000
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	-	(100,000,000)
Pengagihan kepada pemegang unit	(357,875,165)	(329,534,690)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pembiayaan	<u>(15,875,165)</u>	<u>(28,534,690)</u>
<b>PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>		
	57,037,952	(464,849,976)
	(1,390,309)	
	<u>466,877,324</u>	<u>931,727,300</u>
	<u>522,524,967</u>	<u>466,877,324</u>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Tunai di bank	83,430,138	3,000
Deposit dengan institusi kewangan	444,094,829	811,874,324
	<u>527,524,967</u>	<u>811,877,324</u>
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	(5,000,000)	(345,000,000)
	<u>522,524,967</u>	<u>466,877,324</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

## **D. NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 30 JUN 2019**

### **1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA**

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 - DIDIK (dahulu dikenali sebagai AMANAH SAHAM DIDIK) (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan perlaksanaan Suratikatan bertarikh 14 April 2001, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad serta Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausus 1 Suratikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 14 April 2001, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausus 24(1) Suratikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbit menurut resolusi para Pengarah pada 31 Julai 2019.

### **2. ASAS PENYEDIAAN**

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garispanduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia, kecuali bagi pengecualian tertentu sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan preskripsi khusus di mana Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan pakai MFRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan preskripsi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3(a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

#### **(a) Perubahan dalam polisi perakaunan**

Syarikat dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2016 adalah tertakluk kepada MFRSs yang baru dan telah disemak semula tanpa memberi kesan kepada penyata kewangan Amanah.

#### **(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa**

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

#### **(a) Instrumen Kewangan**

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak, pendapatan, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

#### **(b) Pelaburan**

##### **i. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga dan Sekuriti Modal Bercantum**

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga dan sekuriti modal bercantum adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan dimana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskau, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

##### **ii. Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga.**

Pelaburan dalam saham disebut harga, pelaburan tidak disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam Penyata Untung atau Rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat dimana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi tidak

melebihi 50% kepentingan ekuiti. Walau bagaimanapun , kaedah ekuiti perakaunan tidak di gunakan kerana Unit Amanah tidak mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasa dan mempengaruhi syarikat-syarikat tersebut disebabkan perkara-perkara berikut.

- (a) Garispanduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menyatakan bahawa hak untuk mengundi yang mewakili saham-saham yang di pegang oleh Unit Amanah , pada bila-bila masa pemilihan untuk pelantikan mana-mana pengarah didalam syarikat yang dipegang, boleh diputuskan oleh Pengurus Unit Amanah atau Pemegang Amanah dengan syarat pemegang-pemegang unit memberi kuasa melalui resolusi majoriti dalam mesyuarat pemegang-pemegang unit yang diadakan untuk tujuan ini sahaja, seperti yang diperuntukan oleh suratikatan.
- (b) Suratikatan menyatakan bahawa korus bagi mesyuarat perlu dihadiri oleh pemegang-pemegang unit atau wakil-wakil yang didaftarkan dimana pegangan unit mereka yang hadir berjumlah tidak kurang dari satu perempat daripada unit dalam edaran. Memandangkan jumlah pemegang-pemegang Unit Amanah yang terlalu ramai , adalah tidak munasabah untuk memanggil mesyuarat pemegang unit bagi tujuan memberi kuasa kepada Pengurus dan Pemegang Amanah menggunakan kuasa untuk mengundi pada mana-mana pemilihan untuk pelantikan pengarah disyarikat-syarikat berkenaan.

Memandangkan Unit Amanah tidak berupaya untuk membuat undian bagi tujuan mendapatkan wakil didalam lembaga pengarah, Unit Amanah dianggap tidak berkeupayaan untuk menggunakan kuasa dan pengaruh yang signifikan keatas syarikat-syarikat berkenaan.

### **iii. Instrumen Pasaran Kewangan**

Sijil hutang Islam boleh niaga dinyatakan menurut harga kos diselaraskan untuk kadar pendapatan efektif, tolak sebarang kerugian rosot nilai yang kekal. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

### **iv. Deposit dengan Institusi Kewangan**

Deposit dengan institusi kewangan adalah dinyatakan pada kos.

### **(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham**

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

### **(d) Pendapatan Belum Terima**

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

### **(e) Pelbagai Pembiutang**

Pelbagai pembiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

#### **(f) Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan dividen kasar diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akruan menggunakan kaedah kadar pendapatan atau keuntungan efektif.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

#### **(g) Mata wang asing**

##### Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus telah membuat perlimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i. Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- ii. Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- iii. Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan didalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

##### Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi dimana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf didalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama didalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh dimana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambil kira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf didalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf didalam OCI atau penyata untung atau rugi).

### **(h) Tunai dan Persamaan Tunai**

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dimana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

## **4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING**

### **(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan**

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- i. Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan diantara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelabur merosot.
- ii. Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

### **(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menggangar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskain yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

#### Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawah secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

### **(c) Penilaian Rosot Nilai**

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa, terdapat pengiktirafan rosot nilai pelaburan sebanyak RM 28,596,651 (2018: RM 49,550,179).

## **5. YURAN PENGURUS**

Klaus 26(8) Suratikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("VOF") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019 ialah 0.35% (2018: 1%) setahun daripada "VOF" Unit Amanah.

## **6. YURAN PEMEGANG AMANAH**

Klaus 26(7) Suratikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 ditetapkan pada RM600,000 (2018: RM600,000) setahun.

## **7. CUKAI**

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 2017 hingga 2026.

Disebabkan oleh pengecualian cukai, pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## **8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN**

	2019 RM	2018 RM
Peruntukan pengagihan	<u>296,575,370</u>	357,875,165

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 30 Jun 2019 sebanyak 4.85 sen (2018: 6.25 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

### **Sumber Pengagihan**

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2019 RM	2018 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	47,897,939	75,748,344
Pendapatan dividen	147,809,600	139,710,498
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	102,138,230	224,325,766
Keuntungan ternyata daripada tahun-tahun sebelumnya	63,678,644	44,283,576
Kerugian bersih kadar tukaran asing	(2,251,754)	-
	359,272,659	484,068,184
Tolak: Perbelanjaan	(62,697,289)	(126,193,019)
Jumlah pengagihan	<u>296,575,370</u>	<u>357,875,165</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	4.85 sen	6.25 sen

## 9. UNIT DALAM EDARAN

	2019 Units	2019 RM	2018 Units	2018 RM
<b>Unit RM1 setiap satu</b>				
<b>dibayar penuh:</b>				
Pada awal tahun	<u>5,845,500,000</u>	<u>5,845,500,000</u>	5,544,500,000	5,544,500,000
Penjadian unit untuk :				
Pelaburan semula pengagihan	342,000,000	342,000,000	271,000,000	271,000,000
Jualan	-	-	130,000,000	130,000,000
Pembatalan unit	-	-	(100,000,000)	(100,000,000)
Pada akhir tahun	<u>6,187,500,000</u>	<u>6,187,500,000</u>	5,845,500,000	5,845,500,000

Sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2019, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 Jun 2019, PNB secara sah memegang 18,312,550 unit (30 Jun 2018: 22,984,265 unit), 0.30% (30 Jun 2018: 0.39%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

## 10. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/ DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM juta	%	RM juta	%
Maybank Investment				
Bank Berhad*	913.32	21.38	0.88	19.34
CGS - CIMB Securities Sdn Bhd*	294.78	6.90	0.35	7.69
JPMorgan Securities (Malaysia) Sdn Berhad	244.70	5.73	0.21	4.62
AmInvestment				
Bank Berhad	237.40	5.56	0.34	7.47
MIDF Amanah Investment				
Bank Berhad*	206.87	4.84	0.13	2.86
KAF - Seagroatt & Campbell Securities Sdn Bhd	192.45	4.50	0.19	4.18
BIMB Securities Sdn. Bhd.*	190.19	4.45	0.19	4.18
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	170.06	3.98	0.27	5.93
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	164.17	3.84	0.23	5.05
Hong Leong Investment				
Bank Berhad*	156.55	3.66	0.19	4.18
Lain-lain	1,502.08	35.16	1.57	34.50
	4,272.57	100.00	4.55	100.00

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

\* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

## 11. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2019	2018
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.56 kali	0.77 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berdasarkan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

## 12. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2019	2018
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.97%	1.25%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berdasarkan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

## 13. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar pendapatan dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

### Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur.

### **Risiko Pasaran**

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaiaan. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

### **Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana**

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

### **Risiko Kadar Pendapatan**

Risiko kadar pendapatan adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar pendapatan yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar pendapatan pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar pendapatan secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar pendapatan dan jangkaan pasaran.

### **Risiko Kredit**

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusniaga untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

## **14. LAPORAN BERSEGMENT**

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

## **15. MATA WANG**

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

## VIII. ALAMAT CAWANGAN ASNB

KUALA LUMPUR	PUTRAJAYA
Amanah Saham Nasional Berhad Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB 201-A, Jalan Tun Razak 50400 <b>Kuala Lumpur</b> Tel: 03-2050 5500 Faks: 03-2161 8852	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya Presint 3, Persiaran Perdana 62675 <b>Putrajaya</b> Wilayah Persekutuan Putrajaya Tel : 03-8890 4880/4881 Faks : 03-8890 4890
SELANGOR	
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 18-1 &18-2 Pusat Dagangan UMNO Shah Alam Persiaran Damai Seksyen 11 40000 <b>Shah Alam</b> Selangor Tel: 03-5512 1366/3199 Faks: 03-5513 7155	Amanah Saham Nasional Berhad No.7 Jalan Medan Niaga 2 Medan Niaga Kuala Selangor 45000 <b>Kuala Selangor</b> Selangor Tel: 03-3289 4121/3121 Faks: 03-3281 3221
Amanah Saham Nasional Berhad ( <b>UTC Selangor</b> ) Lot, 2-17(A), Tingkat 2, Anggerik, Mall, No 5, Jalan 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Tel: 03-5523 0798	
MELAKA	NEGERI SEMBILAN
Amanah Saham Nasional Berhad No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim Jalan KPAA 1, <b>Bukit Baru</b> 75150 Melaka Tel: 06-2827 361/06-2819 648 Faks: 06-2839 940	Amanah Saham Nasional Berhad No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 <b>Seremban</b> , Negeri Sembilan, Tel: 07-234 6761/6762/6763 Faks: 07-237 0077
JOHOR	
Amanah Saham Nasional Berhad No.12 Jalan Maju Taman Maju 83000 <b>Batu Pahat</b> Johor Tel: 07-4331 700/1709 Faks: 07-4331 712	Amanah Saham Nasional Berhad Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2 Uda Business Centre 81200 <b>Johor Bahru</b> Johor Tel: 07-2346 761/2346 763 Faks: 07-2370 077
Amanah Saham Nasional Berhad No.6 dan 7, Jalan Muhibbah Taman Muhibbah, 85000 <b>Segamat</b> , Johor Tel: 07-9315 548/903 Faks: 07-9315 542	

<b>PERAK</b>	Amanah Saham Nasional Berhad No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 <b>Ipooh</b> , Perak Tel: 05-249 6242, 05-249 6245, 05-249 6246 Faks: 05-249 6249	Amanah Saham Nasional Berhad No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 <b>Teluk Intan</b> , Perak Tel: 05-621 5153/5158/5163 Faks: 05-621 5150
<b>PAHANG</b>	Amanah Saham Nasional Berhad No. 71 & 73, Tingkat Bawah Jalan Tun Ismail <b>25000 Kuantan</b> , Pahang Tel: 09-5178 340/8341 Faks: 09-5136 694	Amanah Saham Nasional Berhad No.8, Jalan Ahmad Shah Bandar Seri Semantan <b>28000 Temerloh</b> , Pahang Tel: 09-2901 460/462 Faks: 09-2901 466
<b>PULAU PINANG</b>	Amanah Saham Nasional Berhad No.12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya <b>13700 Seberang Jaya</b> , Pulau Pinang Tel: 04-3994 378/381 Faks: 04-3994 404	Amanah Saham Nasional Berhad A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue <b>11900 Bayan Lepas</b> , Pulau Pinang Tel: 04-6406 522/523 Faks: 04-6406 520
<b>PERLIS</b>	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 7, Jalan Indera Kayangan <b>01000 Kangar</b> , Perlis Tel: 04- 9781110/9781111/9775 702 Faks: 04-9760 800	<b>TERENGGANU</b> Amanah Saham Nasional Berhad No.15, Jalan Batas Baru, <b>20300 Kuala Terengganu</b> , Terengganu Tel: 09-630 1500/1502/1503 Faks: 09-630 1506  <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
<b>KEDAH</b>	Amanah Saham Nasional Berhad 27, Kompleks Shahab Perdana Jalan Sultanah Sambungan <b>05250 Alor Setar</b> Kedah Tel: 04-7310 770/7311 012/7334 603 Faks: 04-7314 140	Amanah Saham Nasional Berhad No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, <b>08000 Sungai Petani</b> , Kedah Tel: 04-420 1031/1032 Faks: 04-420 1030
<b>KELANTAN</b>	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, <b>15350 Kota Bharu</b> , Kelantan Tel: 09-741 9900/9901/9902 Faks: 09-744 6663  <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	Amanah Saham Nasional Berhad No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, <b>16800 Pasir Puteh</b> , Kelantan Darul Naim Tel: 09-785 5750/5751 Faks: 09-785 5757  <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>

<b>SABAH</b>	
Amanah Saham Nasional Berhad Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 <b>Kota Kinabalu</b> , Sabah Tel: 088-257 725/241 011 Faks: 088-218 814	Amanah Saham Nasional Berhad TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 <b>Tawau</b> , Sabah Tel: 089-779 389/390/391 Faks: 089-776 600
Amanah Saham Nasional Berhad Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 <b>Lahad Datu</b> , Sabah Tel: 089-863680/681/672/673 Faks: 089-863675	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 <b>Keningau</b> , Sabah Tel: 087-336 629/618/621/616 Faks: 087-336 619
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 <b>Sandakan</b> , Sabah Tel: 089-223 530 & 089-210 486 Faks: 089-210 597	
<b>SARAWAK</b>	
Amanah Saham Nasional Berhad Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 <b>Kuching</b> , Sarawak Tel: 082-250 389, 082-410 210 Faks: 082-250 313	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 886 & 887, Block 9 MCLD Miri Waterfront Commercial Centre 98000 <b>Miri</b> , Sarawak Tel: 085-423 746/419 984 Faks: 085-423 384
Amanah Saham Nasional Berhad Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 <b>Bintulu</b> , Sarawak Tel: 086-344 514/541 Faks: 086-344 540	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsial 98700 <b>Limbang</b> , Sarawak Tel: 085-210570/571/572/573 Faks: 085-210577
Amanah Saham Nasional Berhad 4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 <b>Sri Aman</b> , Sarawak Tel: 083-321 742 Faks: 083-323 233	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 <b>Sibu</b> , Sarawak Tel: 084-314 967 Faks: 084-322 497

MUKA SURATINI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURATINI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURATINI SENGAJA DIKOSONGKAN



**PENGURUS**

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad (38218-X)

**PEJABAT BERDAFTAR**

Pejabat Utama ASNB

Tingkat 1 Balai PNB

201-A, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

**PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB**

03-7730 8899

**EMEL**

[asnb@pnb.com.my](mailto:asnb@pnb.com.my)

**LAMAN WEB**

[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

**PORTAL**

[www.myasnbl.com.my](http://www.myasnbl.com.my)

myASNB App

**PEMEGANG AMANAH**

AmanahRaya Trustees Berhad

**PEJABAT BERDAFTAR**

Tingkat 2, Wisma AmanahRaya II

No. 21, Jalan Melaka

50100 Kuala Lumpur

Telephone: 03-2036 5129/5003

Email: [art@arb.com.my](mailto:art@arb.com.my)

**LAMAN WEB**

[www.artrustees.com.my](http://www.artrustees.com.my)